



PEJABAT KESIHATAN PELABUHAN KLANG

Persiaran Raja Muda Musa
42000 Pelabuhan Klang
Selangor Darul Ehsan

TEL : 03-3168 6364 (Pejabat Utama)
03-3101 4275 (Caw.Pel.Barat)
03-3176 2912 (Caw. Pel Utara)
03-3165 1540 (Caw.Bot Dagang)
FAKS : 03-3168 4171(Pengurusan),
03-3165 4006(Kesihatan Antarabangsa)



Ami: PK/P.KLG/780/09 Jul 20 (18)
Tarikh : 8 Julai 2020.

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Klang
Beg Berkunci 202
Jalan Pelabuhan Utara
42005 Pelabuhan Klang
Selangor

Tuan,

KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN DOKUMEN-DOKUMEN KAPAL BERSTATUS KUARANTIN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas

2. Untuk pengetahuan pihak tuan, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menggariskan keperluan-keperluan utama (*Core Capacity*) untuk membolehkan sesebuah negara patuh kepada peruntukan di dalam Peraturan Kesihatan Sedunia 2005 (IHR 2005). Antara keperluan-keperluan tersebut termasuklah kawalan kesihatan awam ke atas semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA). Ini untuk memastikan setiap PMA menjadi benteng utama sebarang penularan penyakit berjangkit dari luar.

3. Sehubungan dengan itu pihak PMA Pelabuhan Klang memerlukan dokumen-dokumen berikut daripada setiap kapal yang berstatus kuarantin yang memasuki Pelabuhan Klang bagi memenuhi keperluan IHR 2005. Dokumen-dokumen tersebut adalah seperti berikut:

- i. *Maritime Declaration Of Health*
- ii. *Ship Sanitation Control Certificate (SSCC/SSCEC)*
- iii. *Crew List*
- iv. *Last Port Of Call*
- v. *Vaccination List*
- vi. *Ship Advice*
- vii. *Sewage International Certificate*
- viii. *Last Garbage Disposal Certificate*
- ix. *Fresh water Analysis*
- x. *Last Provision Invoice*

4. Memandangkan penghantaran dokumen-dokumen tersebut merupakan amalan biasa yang diamalkan sekarang, pihak jabatan ini berharap pihak agen perkapalan akan terus mematuhi arahan ini.

KESIHATAN SEPANJANG HAYAT, KUALITI SEPANJANG MASA



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2015
NO.SIJL: QMS 01649

5. Pihak Jabatan ini memohon jasa baik pihak tuan agar pemakluman ini dapat di muat naik di dalam laman web Jabatan tuan untuk memastikan semua pihak yang berkepentingan mendapat maklumat tersebut dan seterusnya dapat memastikan semua dokumen-dokumen yang diperlukan tersedia semasa pemeriksaan kapal kuarantin dijalankan.

6. Kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini amat kami harapkan di dahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR NOORMALA BINTI ZAKARIA, MPM: 31358)

Pakar Perubatan Kesihatan Awam,
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang